



TAWAR RUMAH RM70,000

Enam pemaju sedia 63,500 kediaman dalam pameran MyRumah 2019

Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop hafizee@nstp.com.my

Ipoh

Pameran hartanah, MyRumah 2019 atau dikenali sebagai My-Rumah Perak-Ku 2019 pada penganjuran kali ini menyediakan 63,500 unit kediaman untuk pengunjung yang berhasrat memiliki rumah sendiri.

Berlangsung di Stadium Indera Mulia bermula kelmarin, enam pemaju mengambil bahagian pada pameran dengan kerjasama Ekspo Antarabangsa Perak 2019 (PIEX'19) yang turut menjadi tumpuan pengunjung.

Pengurus My-Rumah, Mohd Haslan Abd Abas berkata, semua 63,500

Tawaran babit lokasi di Ipoh, Lembah Meru dan Ulu Kinta



PENGUNJUNG meneliti maklumat kediaman di Pameran Hartanah MyRumah Perak-Ku@PIEX 2019 di Stadium Indera Mulia.

unit kediaman itu membabitkan Nilai Pembangunan Kasar (GDN) RM5.2 bilion dan pasti memberikan pilihan memuaskan kepada pengunjung. Katanya, semua rumah ditawarkan membabitkan lokasi di sekitar Ipoh, Lembah Meru serta Ulu Kinta. Beliau berharap orang ra-

mai yang mahu memiliki kediaman tidak melepaskan peluang ke pameran berkenaan. "Selain pameran rumah, program ini juga menyediakan pelbagai aktiviti se-

panjang karnival sebelum diteruskan dengan program ilmu hartanah pada Sabtu dan Ahad.

"MyRumah berhasrat memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai ilmu hartanah dan orang ramai mampu memiliki rumah," katanya, semalam.

Menurutnya, orang ramai juga berpeluang memiliki kediaman pada harga serendah RM70,000 sehingga RM500,000. Sementara itu, Pembantu Pengurus Jualan Casa Subang Sdn Bhd, Stanley Kok berkata, pihaknya yang menyertai pameran anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) itu tahun lalu melihat impak besar daripada penganjuran pameran kepada pihak pemaju dan pengunjung.

"Tahun lalu, Casa Subang menjual enam unit rumah kediaman dan melihat pameran ini membantu orang ramai memperoleh ilmu hartanah sekali gus memiliki kediaman.

"Kali ini Casa Subang menyediakan rumah mampu milik iaitu kondominium di Klebang, Ipoh dengan harga bermula RM158,000," katanya.

Kediaman pertama harga mampu milik

Ipoh: Pengunjung MyRumah Perak-Ku 2019 berpeluang memiliki kediaman pada harga mampu milik yang ditawarkan Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) pada pameran itu.

Kedua-dua agensi di bawah kerajaan Persekutuan dan negeri itu yang kali pertama menyertai pameran anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), menerima sambutan hangat daripada pengunjung sepanjang dua hari pameran berlangsung.

Penolong Pengarah Unit Korporat JPN, Syed Mohd Zhubir Syed Zin berkata, JPN di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyokong hasrat NSTP dalam membantu orang ramai memiliki kediaman.

Katanya, JPN mengikuti pameran ini sepanjang tahun ini bermula di My-TOWN di Cheras, Kuala Lumpur yang dirasmikan Menteri KPKT, Zuraida Kamaruddin dan melihat impaknya yang sangat besar dalam bidang hartanah.

Menurutnya, antara pakej menarik disediakan di gerai



PENGUNJUNG mendengar penerangan daripada kakitangan LPHP pada Pameran Hartanah MyRumah Perak-Ku@PIEX 2019.

pameran JPN adalah produk khas di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta khas untuk pembeli rumah pertama.

"Kerajaan menyediakan bantuan iaitu rebat sehingga RM30,000 bagi pembeli rumah pertama. Pembeli tidak perlu mengeluarkan deposit dan kerajaan memberi bantuan tanpa perlu bayaran balik.

"Di sini turut disediakan khidmat nasihat panduan membeli rumah dan setakat ini, ada tiga projek perumahan di bawah agensi di Melaka," katanya.

Sementara itu, Pegawai

Eksekutif Pemasaran Hartanah LPHP, Sayed Muhammad Qusyairi Sayed Shariffuddin berkata, pihaknya menyediakan peluang kepada pengunjung memohon Rumah Perakku.


"Pengunjung boleh memohon Rumah Perakku mengikut syarat ditetapkan dan mendengar penerangan daripada kakitangan kami mengenai syarat kelulusan memohon.

"Setakat dua hari berlangsung, pameran kami bukan saja dikunjungi penduduk Ipoh malah pelbagai daerah lain termasuk Tanjung Malim," katanya.

UNIT TERHAD **RUMAH SEDIA DENGAN CCC UNTUK DIDUDUKI**

HARGA JUALAN **RM150,000**

SKIM RUMAH MAMPU BIAYA C (RMB C)

 <p>RMB C Taman Sri Pulai Perdana 1 Rumah Teres "Courtyard" 2 Tingkat Mukim Pulai, Johor • 3 Baki Unit</p>	 <p>RMB C Taman Sri Pulai Perdana 2 Rumah Teres "Courtyard" 2 Tingkat Mukim Pulai, Johor • 3 Baki Unit</p>
 <p>RMB C Taman Sierra Perdana Rumah Jenis "Townhouse" 20' x 70' Mukim Plentong, Johor • 80 Baki Unit</p>	 <p>RMB C Taman Austin Perdana Rumah Jenis "Townhouse" 20' x 70' Mukim Tebrau, Johor • 34 Baki Unit</p>

Untuk permohonan rumah atau sebarang maklumat lanjut,
sila layari laman web SUKJ Perumahan : erumah.johor.gov.my
atau hubungi pihak pemaju : **607-335 9877**

Pemaju: Shiya Sdn. Bhd. (107881-K)
Unit 5-06, Aras 5, Plaza DNP, No.59, Jalan Dato' Abdullah Tahir,
80300 Johor Bahru, Johor, Malaysia.
T: +607-335 9877 F: +607-330 9396 W: www.shiya.com.my

